

03 MAY 1999

Mahathir-kroni

DR MAHATHIR AKAN DEDAHKAN KRONI ANWAR BILA SAMPAI MASANYA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan mendedahkan nama kroni bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumpul RM230 juta bila tiba masanya.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini kerajaan sedang mengkaji sama ada kroni Anwar itu boleh dikenakan tindakan atau tidak.

"Saya ada beritahu MT (mengenai kroni itu) tetapi saya tidak sebut nama. Saya ada kenyataan (pengisytiharan harta) yang dibuat kepada saya sebagai Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini malam ini.

Bila ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kroni itu jika dia kumpulkan duit itu secara salah guna kuasa, Dr Mahathir berkata: "Dalam kes ini, cara mereka lakukan sesuatu itu bukanlah mudah untuk dikaitkan dengan sebarang jenayah dan sebagainya."

Bila ditanya sama ada beliau akan mendedahkan kes lain yang membabitkan pengumpulan harta oleh kroni Anwar, Dr Mahathir berkata kerajaan tahu siapa mereka.

"Kita tahu siapa yang dapat banyak jawatan pengarah dan pengerusi syarikat sedangkan mereka tidak ada apa-apa. Kita tahu mereka dapat tempat dalam syarikat kerana mereka dekat (rapat) dengan Datuk Seri Anwar.

"Mereka dapat tempat dalam syarikat itu maka segala-galanya menjadi mudah. Kroni yang dapat tempat maka syarikat itu kurang bermasalah...banyak syarikat terpaksa memilih kroni Datuk Seri Anwar sebagai anggota dan pengerusi dan sebagainya," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan duit yang dikumpulkan oleh kroni Anwar itu digunakan untuk membiayai demonstrasi jalanan di ibu negara.

--BERNAMA

ARA MAI